

DPMM gesa gencatan politik segera dilaksanakan

KUALA LUMPUR: Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) menggesa semua pemimpin parti politik melaksanakan gencatan politik dan memberi tumpuan khusus bagi menyelesaikan pelbagai isu yang membelenggu rakyat ketika ini.

Presidennya, Abdul Halim Husin, berkata semua pemimpin parti politik mengeneipkan perbezaan politik memandangkan negara sedang berdepan pelbagai krisis besar terutama membabitkan ekonomi, kesihatan dan politik.

"Statistik jangkitan COVID-19 pada hari ini masih berada di kedudukan yang kritikal.

"Diharapkan semua pemimpin politik berjiwa besar dan mengeneipkan perbezaan politik buat sementara waktu dan bersatu hati membantu Kementerian Kesihatan (KKM) memerangi penularan pandemik COVID-19 sehingga membolehkan sektor ekonomi dibuka seperti sediakala," katanya dalam kenyataan, hari ini.

DPMM turut menyarankan usaha ditumpukan bagi memulihkan segera tahap ekonomi rakyat terutamanya bagi golongan B40 dan M40.

Katanya, ramai yang bergelut dengan masalah aliran tunai akibat dibuang kerja antaranya disebabkan ada majikan yang terpaksa gulung tikar khususnya dalam kalangan syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"DPMM memandang serius perkara ini dan perangkaan terkini Statistik Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendapati kadar pengangguran menjangkau seramai 742,700 orang atau pada kadar 4.6 peratus April lalu.

"Menurut kaji selidik yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada Jun lalu, lebih 90 peratus usahawan mikro, kecil, sederhana dan informal atau tidak berdaftar berisiko untuk menutup perniagaan sekiranya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan secara berterusan," katanya.

Beliau berkata, pengumuman Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang menumpukan kepada strategi untuk keluar dari ancaman COVID-19 secara selamat dan sistematik adalah satu langkah yang patut disokong oleh semua pihak.

"DPMM juga menyokong usaha kerajaan meringankan beban ke atas kapasiti sistem kesihatan awam, membuka semula sektor ekonomi, dan membenarkan aktiviti sosial dalam tempoh masa enam bulan sehingga akhir tahun ini.

"Sekali lagi kami ingin mengulangi gesaan kepada semua pemimpin parti politik supaya satu gencatan politik dapat dilakukan dengan serta merta supaya satu tempoh pemulihan yang bersepadu dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Ini penting bagi memastikan ekonomi negara dapat dipulihkan dan rakyat Malaysia dapat menjalani kehidupan seperti rakyat di negara yang berjaya keluar dari kemelut pandemik COVID-19 ini," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/846668/dpmm-gesa-gencatan-politik-segera-dilaksanakan>